

Aplikasi Kamus Istilah Hadis (IS-HADIS)

Suriani Sudi¹, Siti Mursyidah Mohd Zin¹, Nor Musliza Mustafa¹, Phayilah Yama¹,
Rosni Wazir¹, Nur Saadah Hamisan² dan Farhah Zaidar Ramli¹,

¹Universiti Islam Selangor

² Universiti Sains Islam Malaysia

suriani@uis.edu.my, sitimursyidah@uis.edu.my, normusliza@uis.edu.my,
phayilah@uis.edu.my, rosni@uis.edu.my, saadahkhair@usim.edu.my,
farhahzaidar@kuis.edu.my

1. Penerangan Produk

Aplikasi Kamus Istilah Hadis (IS-HADIS) adalah aplikasi pintar yang memudahkan pemahaman istilah ilmu hadis secara digital. Dengan penghasilan antara muka mesra pengguna, modul interaktif, pengguna boleh membuat rujukan pantas terhadap istilah hadis seperti *sahih*, *dhaif*, *mawdu'* dan lain-lain melalui peranti mudah alih.

Aplikasi ini menghimpunkan definisi, penjelasan ulama serta huraian ringkas bagi istilah hadis dalam pangkalan data berpusat, membolehkan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), para pensyarah dan tenaga pengajar masjid atau surau mengakses maklumat secara cepat, tepat dan sistematik. Menariknya, aplikasi ini turut dilengkapi latihan berbentuk gamifikasi yang bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, malah membolehkan pengguna menguji kefahaman secara praktikal.

Oleh yang demikian Aplikasi Kamus **IS-HADIS** dikategorikan sebagai alat bantu mengajar (ABM) moden yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran hadis dengan lebih interaktif, menarik dan sesuai dengan keperluan pendidikan digital masa kini.

2. Objektif Inovasi

- i. Memodenkan proses rujukan istilah hadis dengan menggantikan kaedah manual berasaskan kitab bercetak (Kamus Istilah Hadis) kepada aplikasi digital mudah alih yang sahih, cepat dan mesra pengguna.
- ii. Mempermudah pemahaman dan semakan istilah hadis melalui pangkalan data berpusat yang menghimpunkan definisi bahasa, huraian ulama dan penjelasan ringkas secara interaktif.
- iii. Meningkatkan literasi hadis dan kesedaran digital dalam kalangan pelajar, pensyarah, dan tenaga pengajar surau dan masjid dengan menyediakan modul pembelajaran yang sistematik, interaktif dan relevan dengan keperluan semasa pendidikan Islam.

3. Pernyataan Masalah

i. *Keperluan Kepada Kemajuan Teknologi Dalam Dunia Pendidikan*

Pengaplikasian ICT dalam pembelajaran semakin penting di semua peringkat pendidikan bagi memastikan kualiti dan daya saing sistem pendidikan negara. Seiring dengan aspirasi Pelan Strategik Pendidikan Tinggi dan tuntutan pembelajaran abad ke-21, pengajian hadis perlu dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih kreatif serta inovatif agar kekal relevan. Justeru, integrasi berterusan antara kajian hadis dan teknologi multimedia perlu diberi penekanan, dengan penilaian keberkesanan dan pembangunan inovasi yang konsisten supaya hasilnya dapat dimanfaatkan secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa.

ii. *Sumber Rujukan Yang Mudah, Cepat Dan Mesra*

Perkembangan teknologi maklumat telah melahirkan konsep *mobile learning* (m-pembelajaran) yang membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa melalui peranti mudah alih. Pendekatan ini lebih praktikal berbanding kaedah tradisional yang bergantung pada buku teks dan kuliah semata-mata.

Dalam konteks pengajian hadis, Aplikasi Kamus **IS-HADIS** menjadi medium m-pembelajaran inovatif yang menyediakan rujukan istilah secara mudah, pantas dan mesra pengguna. Berbanding membawa kamus bercetak yang tebal, aplikasi ini lebih mudah diakses hanya melalui telefon pintar.

iii. *Ketiadaan Kamus Istilah Hadis Digital Yang Interaktif*

Setakat ini, masih belum terdapat aplikasi interaktif khusus bagi kamus Istilah Hadis di *Apple Store* atau di *Google Playstore* di Malaysia. Kebanyakan kamus istilah hadis yang tersedia di laman sesawang berbentuk fail PDF tanpa elemen interaktif dan ini menjadikannya kurang mesra pengguna.

Situasi ini menyukarkan pelajar, pensyarah, dan tenaga pengajar yang memerlukan rujukan pantas dan tepat. Justeru, pembangunan aplikasi kamus istilah hadis digital yang interaktif amat diperlukan bagi memudahkan rujukan, meningkatkan kefahaman, dan menyokong pembelajaran abad ke-21.

4. Ketulenan / Kebaharuan

1. Aplikasi pertama dalam bahasa Melayu yang memberi fokus khusus kepada istilah hadis secara digital, interaktif dan mesra pengguna.
2. Menggabungkan tiga komponen utama setiap istilah iaitu maksud bahasa, definisi ulama, dan huraian ringkas yang disahkan pakar, berbeza daripada kamus PDF sedia ada.

3. Direka bentuk dengan modul

interaktif seperti carian pintar, paparan mesra mudah alih, serta latihan berbentuk kuiz dan permainan sebagai medium ulang kaji.


4. Menyediakan elemen gamifikasi bagi menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, di samping membantu pengguna menguji kefahaman mereka secara praktikal.
5. Menyasarkan pelbagai kelompok pengguna – bukan sahaja pelajar, pensyarah tetapi juga tenaga pengajar masjid dan surau dan masyarakat umum, menjadikannya lebih inklusif dan berskala luas.

5. Kegunaan dan Aplikasi


1. **Rujukan pantas istilah hadis** – memudahkan pelajar, pensyarah dan tenaga pengajar membuat semakan segera istilah hadis yang kompleks tanpa perlu membuka kitab bercetak.
2. **Alat bantu mengajar** – menyokong pensyarah IPT dan guru takmir dalam menerangkan istilah hadis kepada pelajar dan masyarakat dengan lebih jelas dan sistematik.
3. **Bahan latihan interaktif** – menyediakan kuiz dan permainan sebagai latihan pengukuhan bagi menguji tahap kefahaman pengguna secara menyeronokkan.
4. **Peningkatan literasi hadis** – membantu pelajar memahami maksud istilah hadis dengan tepat, sekali gus mengurangkan kekeliruan dan salah tafsir.
5. **Sumber pembelajaran digital** – menyokong pembelajaran abad ke-21 berasaskan ICT dan mudah diakses melalui peranti mudah alih di mana-mana dan pada bila-bila masa.

6. Projek Inovasi/Impak Produk

1. **Akademik** – menjadi rujukan digital pertama dalam bahasa Melayu khusus untuk istilah hadis, sekali gus menyumbang kepada inovasi dalam bidang pengajian Islam dan memperkukuh PdP berasaskan teknologi.
2. **Teknologi** – memperkenalkan integrasi antara kamus digital, modul interaktif dan elemen gamifikasi yang menjadikan aplikasi ini lebih mesra pengguna serta relevan dengan pendidikan abad ke-21.
3. **Global** – berpotensi menjadi model rujukan pembangunan aplikasi pendidikan Islam digital yang boleh diperluas ke peringkat antarabangsa.



Muka Depan Aplikasi IS-HADIS



Istilah Hadis yang di susun mengikut huruf
abjad di aplikasi IS-HADIS

Maksud dan penerangan dan yang di
paparkan di Aplikasi IS-HADIS



Lima gamifikasi yang
 dibangunkan di dalam
 Aplikasi **IS-HADIS**



Pembelajaran Istilah Hadis menerusi lima gamifikasi di dalam Aplikasi **IS-HADIS**

7. Pencapaian

- i. **Pembangunan Prototaip Aplikasi E-Kamus Istilah Hadis (IS-HADIS).**
- ii. **Menerima Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) pada September 2023 yang bernilai RM94,400.00.**
- iii. Pendaftaran 2 IP Copyright di MyIPO : IS-HADIS-KAMUS ISTILAH HADIS-
 - a. Kategori Sastera; Registration No. : **CRLY2025W06763**
 - b. Kategori Seni; Registration No. : **CRAR2025W08283**



- iv. **Pertandingan Poster: Tempat Ketiga**

Tajuk: Pembangunan Aplikasi E-Kamus Istilah Hadis Untuk Pembelajaran Hadis Di Selangor



- v. **Penerbitan**
 - a. **Jurnal ERA: Applying the Fuzzy Delphi Method in the Development of a Hadith Terminology Dictionary Application (IS-HADIS)**



INTERNATIONAL JOURNAL OF INNOVATIVE
RESEARCH IN PROGRESSIVE
EDUCATION & DEVELOPMENT

OPEN ACCESS JOURNAL
Vol 14, Issue 3, (2025) E-ISSN: 2226-6348

Applying the Fuzzy Delphi Method in the Development of a Hadith Terminology Dictionary Application (IS-HADIS)

Suriani Sudi¹, Nur Saadah Hamisan@Khair², Rosni Wazir¹, Phayilah Yama¹, Farhah Zaidar Ramli¹, Siti Mursyidah Mohd. Zin¹, Nor Musliza Mustafa³

¹Department of al-Quran and al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor, Malaysia, ²Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (UISM), Nisa, Negri Sembilan, Malaysia, ³Department of Computing, Faculty of Creative Multimedia and Computing, Universiti Islam Selangor, Malaysia

Corresponding Author Email: saadahkhair@uisi.edu.my

DOI Link: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPEDEV14-I3/25795>

Published Online: 06 August 2025

Abstract

The advancement of technology in today's educational landscape has witnessed the growing use of Artificial Intelligence (AI) across various learning platforms. This technological integration enhances the learning process by making it more interactive, responsive, and flexible, thereby complementing existing traditional methods. In this context, the Hadith Terminology Dictionary Application (IS-HADIS) was developed to facilitate students in accessing information quickly and effectively without the need to consult bulky printed dictionaries. Students simply type the desired term, and the relevant information is displayed almost instantly. This study was conducted to obtain expert consensus on the essential elements required for the design and development of this application. The Fuzzy Delphi Method was employed using a seven-point Likert scale, involving ten experts from the fields of educational technology, multimedia, and information technology. Data were collected through questionnaires distributed to all participating experts. The findings revealed a high level of agreement among the experts regarding the elements examined, with threshold (d) values less than 0.2, agreement percentages exceeding 75%, and defuzzification values above 0.5—except for one element, namely the application introduction element. Overall, this study successfully designed the Hadith Terminology Dictionary Application (IS-HADIS), which can be effectively utilized by educators in higher learning institutions, mosque and surau instructors, as well as students, as a valuable learning support tool.

Keywords: Application, Dictionary, Fuzzy Delphi, Hadith, Terminology, IS-HADIS.

Introduction

In today's digital era, the integration of technology into various aspects of life is not only inevitable but essential. Particularly in the field of education, the use of technology has

777

b. Jurnal HADIS: Kewujudan Aplikasi Kamus Istilah Hadis di Rangkaian Digital: Satu Sorotan

1 of 13



UIN AR-RANIRI RESEARCH INSTITUTE (ZINARI)
International Islamic University College (IIUC)
Journal of Islamic Studies (JIS)
Vol. 14, No. 28 (December 2024)

Kewujudan Aplikasi Kamus Istilah Hadis di Rangkaian Digital: Satu Sorotan

The Existence of a Digital Network-Based Hadith Terminology Dictionary Application: An Overview

Suriani Sudi¹, Rosni Wazir², Phayilah Yama³, Farhah Zaidar Ramli⁴, Siti Mursyidah Mohd. Zin⁵, Nur Saadah Khair⁶, Nor Musliza Mustafa⁷, Muhammad Aram Najihun Jamaluddin

¹Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Perubatan Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia.
²Fakulti Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
³Jabatan Keperawatan, Fakulti Multimedia Kreatif & Keperawatan, Universiti Islam Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: Suriani Sudi, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Perubatan Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia, suriani@iis.edu.my, 0196554746.

Keywords: Dictionary, Terminology, Hadith, Application, Industrial Revolution

ABSTRACT

The advent of the Fourth Industrial Revolution (Industry 4.0) is fundamentally centered in advancements in digital technology, leading to substantial transformations in education and knowledge-sharing sectors. These changes have paved the way for rapid, accurate, accessible, and efficient dissemination of information. This research, therefore, seeks to investigate the availability of Hadith terminology dictionary applications on the internet and to analyze prior studies addressing web-based and electronic Hadith terminology resources. Employing a review-based methodology, this study examines existing research and available Hadith dictionary applications online, ultimately conducting a comparative analysis of these resources. The findings indicate that several electronic Hadith terminology dictionaries in the Malay language, including Kamus Istilah-istilah Hadis, Kamus Ilmu Hadis (Arabic-Malay) and Kamus Ilmu Hadis are available in PDF format for public access. Moreover, prior research has identified interactive Hadith dictionary applications, such as the Hadith Learning Application which not only provide terminology but also include selected hadiths. While this application offers interactive and colorful displays, they are currently available only as prototype versions. The implications of this research highlight the need to develop an interactive Hadith terminology dictionary application that includes features such as flexible search functions for word meanings, attractive display and color options, audio-visual integration, engaging animations and exercise-based games.


ABSTRAK

Revolusi Industri 4.0 berakar pada kemajuan teknologi digital, bidang pendidikan dan penyebaran ilmu pengetahuan yang turut menyaksikan perubahan drastik dan kompleks selangka seiring maklumat disampaikan dengan cepat, tepat, mudah dan berkesan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyoroti kewujudan aplikasi kamus istilah hadis di internet dan menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan aplikasi berformat Kamus Istilah Hadis yang berformat elektronik. Kajian dilakukan berdasarkan ulasan tinjauan.

142

7

c. Bab Dalam Buku: Persepsi Pelajar Terhadap Keperluan Membangunkan Aplikasi E-Kamus Istilah Hadis



- a. Prosiding:
- i. Keperluan Penggunaan Aplikasi Untuk Menguasai Istilah-Istilah Ulum Hadis dalam Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah.

BAB 9
KEPERLUAN PENGGUNAAN APLIKASI ICT UNTUK MENGUSAHI
ISTILAH-ISTILAH ULUM HADIS

Suriati Sudi¹, Farah Zaidar Mohamed Ramli², Siti Muryidah Mohd. Zin³, Nur Saadah Khair⁴,
Rosni Wazir⁵, Phayilah Yama, Nor Musliha Mustafa⁶, Muhammad Azam Najihan Jamaluddin⁷

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

²Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Perkembangan teknologi pada masa kini, menggariskan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat. Kini masyarakat sedang melalui satu abad yang dikenali sebagai abad-21 di mana abad ini bermula semasa 2001 sehingga 2100. Dalam abad ini menawarkan sebuah anjakan di dalam dunia ini dari segi penggunaan teknologi (Munzir 2013). Era digital pada masa kini memudahkan pelajar-pelajar dalam usaha mereka dan mengakses maklumat hanya perlu melalui capaian internet (Halimah 2023). Kaedah ini lebih dikenali sebagai konsep teknologi tinggi terbuka kerana penggunaan alat ini tidak had atau masa yang ditetapkan (Yusoff 2012).

Dengan kemajuan pelbagai kemudahan teknologi, ia telah berjaya mengubah proses, pengiraan dan pembelajaran yang telah lama wujud. Konsep pengiraan dan pembelajaran di atas talian telah mula diperkenalkan dan ia merupakan sebuah konsep yang menarik di mana pelajar dan pengajar telah memerlukan tempat yang spesifik untuk mewujudkan proses pembelajaran (Irvine & Richard 2013). Dengan kaedah ini ia telah memudahkan proses pembelajaran dan memudahkan pelbagai aspek antaranya masa dan tenaga (Shahjari et al., 2014).

Kemajuan pesat dalam teknologi telah menghasilkan banyak alat teknologi dan sumber internet yang berpotensi untuk berfungsinya sebagai alat bantu pembelajaran, bukan sahaja dalam internet pendidikan tetapi juga dalam pendidikan kerja profesional (Purvi Tyagi & Ghosh, 2012). Penggunaan teknologi pada pengiraan dan pembelajaran juga memberi ruang kepada pelajar untuk mencari bahan yang sesuai bukan sahaja bahan yang telah disediakan oleh pensyarah. Kaedah ini dikenali sebagai *Open Educational Resource (OER)* (Supri, 2020). Maka perlunya penyediaan dalam pengiraan dan pembelajaran menggunakan teknologi pada masa kini. Hal ini kerana dengan pemanfaatan alat teknologi dalam kaedah pengiraan dan pembelajaran ia mampu mewujudkan persekitaran yang lebih produktif (Gahure et al., 2014).

Seperti yang digunakan oleh Shahroon dan Hassan (2018), perkembangan pendidikan tidak dapat lari dari tempus dan keberagaman kepada teknologi maklumat khususnya internet, komputer dan peranti mudah alih. Untuk kekal berdaya saing, industri pendidikan mesti menyesuaikan diri dengan revolusi digital. Tenaga pengajar dalam bidang ini harus menyesuaikan diri dengan arus pemodenan supaya mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada strategi penyiaran atau berpasukan penyiar. Pengiraan pasif tanpa menggunakan kaedah, strategi, pendekatan dan teknik yang menarik akan mengakibatkan kepenatan dalam proses pengiraan dan pembelajaran seterusnya menyumbang kepada penurunan prestasi pelajar.

Perkembangan kemudahan teknologi maklumat ini telah ketinggalan dalam dunia pengiraan Islam. Pada masa kini para ulama hadis telah memanfaatkan peluang yang wujud untuk mengaitkan hadis. Peluang yang wujud telah menghasilkan pelbagai laman sesawang, peranti

ii. Kajian Rintis Terhadap Keperluan Pembangunan Aplikasi Mudah Alih E-Kamus Istilah Hadis dalam Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah 2024



Penghargaan:

Kajian ini merupakan hasil daripada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) yang bertajuk: “Membangun Aplikasi E-Kamus Istilah Hadis Untuk Pembelajaran Hadis di Selangor” (SUK/GPNS/2023/PKS/06). Penghargaan juga diberikan kepada Universiti Islam Selangor.